

# Mengapa Haji Sidek letak jawatan?

28 OCT 1986

SOAL perletakan jawatan Haji Sidek Saniff daripada jawatan Timbalan Presiden Persisi beberapa tahun lalu, turut dibahas dalam mesyuarat agung Ahad lepas.

Dua orang kanan persekutuan itu memberikan pendapat yang bercanggah. Malah di akhirnya, masih ada tandatanya apakah sebab sebenarnya?

Bekas presiden, Dr Haji Ya'acob Mohamed, berkata bahawa Haji Sidek meletakkan jawatan kerana antara lain, beliau begitu kecewa dengan sikap seorang pegawai Persisi yang meminum minuman keras di khalayak ramai semasa mengiringi rombongan pesilat Singapura dalam satu pertandingan silat di Jakarta.

Perbuatan pegawai itu begitu memalukan sehingga membuat Haji Sidek mengambil keputusan meletakkan jawatan.

Timbalan Presiden Persisi, Haji Abdul Rahim Dayan, berkata Haji Sidek berhenti bukan kerana perkara

itu, tetapi kerana sebab lain.

Haji Abdul Rahim menambah bahawa pada hematnya, Haji Sidek meletak jawatan kerana masalah Persisi yang berhutang kepada Jabatan Kastam sebanyak \$17,000 selepas menganjurkan satu eksposisi.

## Tidak hadir

Katanya, beliau meminta Haji Sidek supaya menghubungi Jabatan Kastam untuk menagguhkan pembayaran itu buat kali ketiga tetapi Haji Sidek enggan. Haji Sidek kemudian meletakkan jawatan.

Perbincangan itu kemudian dihentikan memandangkan orang yang diperkatakan tiada di mesyuarat, untuk menjelaskan kedudukan. Sepatah kata Haji Ya'acob, bukan caranya bagi pesilat untuk mencabar seseorang yang tidak ada di depannya.

Haji Sidek menjadi Timbalan Presiden dari Januari 1978 hingga Jun 1982.

# 'Johari' atau 'Joe Harry' — orangnya sama saja...

28 OCT 1986

KEHADIRAN 'Joe Harry' telah menimbulkan masalah dalam Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Penggunaan nama tersebut dalam surat Persisi telah menyebabkan bekas presidennya, Dr Haji Ya'acob Mohamed, berasa kecewa dan marah.

Menurut Haji Ya'acob, segala surat Persisi yang dikirimkan kepadanya bukan sahaja menggunakan nama itu, malah ditandatangani pula oleh 'sek-jen' (setiausaha agung).

## Tidak wujud

Bagi Haji Ya'acob, nama dan jawatan itu tidak wujud dalam Persisi. Yang ada ialah Encik Johari H.M. Uriff yang berjawatan Setiausaha Agung.

Katanya, beliau menjadi begitu marah menerima surat Persisi dengan nama itu, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa isu tentang Melayu-Kristian sedang hangat diperkatakan.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari, kemudian memberikan penjelasan bahawa nama itu sebenar-



## • ENCIK JOHARI

Menjelaskan kedudukan sebenar nama 'Joe Harry'

nya adalah nama pena beliau yang telah digunakan sejak sebelum Persisi ditubuhkan.

Beliau juga menerangkan, baginya adalah mudah dan sudah menjadi kebiasaannya menggunakan 'sek-jen' daripada setiausaha agung.

Encik Johari kemudian berkata beliau tidak akan menggunakan nama itu lagi dalam surat-surat Persisi.